

Konsep Tabarruk Dalam Perbahasan Islam

Khadijah Kamaruddin

Kuliyah Usuluddin dan Sains Al-Quran
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah
Corresponding author: khadija@unishams.edu.my

Azhar Abdul Rahman

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi Mara
Emel: azharabulrahman@uitm.edu.my

Nur Fadlina Mat Dali

Pusat Pengajian Asasi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah
Emel: nurfadlina_matdali@unishams.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan konsep Tabarruk atau pengamalan mengambil berkat dalam perbahasan Islam. Permasalahan berkaitan tabarruk telah lama dibahaskan sehingga ke hari ini permasalahan ini masih berulang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan yang menerima dan menolak pengamalan tabarruk dan mengkaji kefahaman tabarruk menurut pandangan ahli sunnah wal jamaah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metodologi kajian melalui analisis kandungan seperti artikel, jurnal dan buku. Kajian ini membuktikan terdapat pandangan pandangan yang menerima dan menolak pengamalan tabarruk. Pandangan ahli sunnah wal jamaah dilihat lebih terbuka dan menerima pengamalan tabarruk seperti tabarruk dengan tempat, tabarruk dengan pakaian, ziarah kubur, orang soleh, doa orang soleh dan menghadiri majlis ilmu orang alim.

Pengenalan

Pengamalan tabarruk atau mengambil berkat telah menjadi sebahagian dari amalan sosial dalam masyarakat. Perkara ini boleh dilihat melalui tradisi majlis kenduri yang dimulakan dengan bacaan doa oleh seorang ustaz atau imam sebelum jamuan makan dimulakan, aktiviti bacaan Yasin sebagai mengambil berkat keberkatan al-Quran dari bacaan surah Yasin atau sebagai bertabarruk dengan al-Quran. Selain itu masyarakat juga telah terbiasa dengan amalan atau istilah mengambil berkat dengan orang alim atau orang soleh seperti mengambil berkat tok guru dengan meminum dari bekas minuman, berkhidmat untuk guru demi mendapatkan keberkatan ilmu, memohon keberkatan doa guru untuk kejayaan, menghadiri majlis ilmu yang disampaikan guru dan sebagainya.

Perbahasan tabarruk seringkali menjadi perbincangan yang terkadang menimbulkan kontroversi dalam masyarakat mengenai pengamalan tersebut. Isu pengamalan tabarruk bukanlah satu permasalahan yang baharu. Malahan permasalahan ini sering menjadi perdebatan, lantaran itu sewajarnya permasalahan tabarruk perlu difahami dalam konteks perbahasan Islam. Perkataan tabarruk berasal dari perkataan *baraka* yang mempunyai kaitan dengan perkataan berkat. Pengertian *al-Barakah* disebut sebagai kebaikan yang melimpah, manakala *al-Tabarruk* membawa makna mengambil keberkatan (Al-Syeikh, 2003). Barakah bererti banyak manfaat dan kelebihan (Manzur, 1979). Perkataan تبرك merupakan kalimah bahasa Arab dari wazan تفاعل, kalimah تبرك berasal dari kalimah برك, al-Fairuzabadi menjelaskan

kalimah al-barakah beerti kelebihan, peningkatan kebaikan dan kebahagiaan (al-Fairuzabadi 2008). Manakala **تبرک** diertikan sebagai mengambil berkat. <https://www.almaany.com/يتبرك>

تبرکا **تبرک** mengambil dan mencari berkat, seperti mengambil berkat al-Quran atau sekumpulan pelajar datang bertemu dengan syeikh-syeikh mereka yang soleh untuk mengambil berkat <https://www.maajim.com/dictionary/>.

Perkara mengambil berkat atau Tabarruk mempunyai hubungan dengan tawassul yang mana tawassul yang diamalkan dengan cara memperbanyakkan amal soleh adalah bertujuan untuk memperoleh berkat (Kamarzaman, 2022). Berdasarkan penegertian tabarruk dapat dirumuskan perkataan ini membawa erti sesuatu yang banyak memberi kebaikan dan kelebihan yang berterusan.

Aspek barakah dijelaskan dalam al-Quran antaranya pada ayat- ayat berikut.

Dalam perbahasan Islam, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menggunakan istilah *barakah* di antaranya firman Allah Taala berkaitan keberkatan al-Quran yang di turunkan pada malam Lailatul Qadar :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾

“*Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab).*” (Surah Al-Dukhan ayat 3)

Keberkatan Bumi Syam dalam Firman Allah:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ عَائِنَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

“*Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*” (Surah al-Israa ayat: 1)

Ayat ini menjelaskan tentang perjalanan Israk Mikraj Nabi Muhammad. Israk adalah perjalanan peringkat pertama iaitu di bumi dan Mikraj pula adalah perjalanan kedua yang naik ke langit. Israk adalah perjalanan Nabi Muhammad ke Jerusalem tempat Bani Israil. Isyarat ini membuktikan Nabi Muhammad bukan sahaja imam kepada Masjidil Haram di Mekah, tetapi imam kepada Masjidil Aqsa juga. Aspek keberkatan bumi syam itu termasuk keberkatan Masjidil Aqsa yang mempunyai tanah yang subur, sungai dan juga buah-buahan tumbuh subur. Aspek barakah tanah ini, kerana ianya merupakan tanah kelahiran para anbiya dari keturunan Nabi Ibrahim. (Muhammad, 1994)

Firman Allah Taala berkaitan keberkatan Masjidil Haram

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾

Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada manusia). (Surah Ali-Imran ayat: 96)

Perkataan مُبَارَكًا (yang berkat) menjelaskan keberkatan masjid ini yang digandakan oleh Allah. Maksudnya diganda pahala beribadat di dalamnya, dibandingkan dengan masjid lain sebanyak seratus ribu kali ganda. (Al-Sayuthi, 2021)

Keberkatan al-Quran firman Allah

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat

“Dan al-Qur’an itu adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.” (Surah al-An’am ayat:155)

Pengamalan mengambil berkat dengan ayat-ayat al-Quran sebagai Ruqyah.

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa al-Quran merupakan mukjizat Rasulullah s.a.w. yang terbesar dan juga menjadi penawar bagi sekalian penyakit. Umat Islam mengambil berkat melalui ayat-ayat al-Quran bagi mengharapakan limpahan barakah yang ada pada ayat-ayat tersebut. Sebagaimana juga Rasulullah s.a.w. menggalakkan bacaan al-Muawwizat dari al-Quran pada keadaan-keadaan tertentu.

5016- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «كَانَ إِذَا اشْتَكَى يَقْرَأُ عَلَيَّ نَفْسِهِ بِالْمُعَوِّذَاتِ وَيَنْفُثُ، فَلَمَّا اشْتَدَّ وَجَعُهُ كُنْتُ أَقْرَأُ عَلَيْهِ، وَأَمْسَحُ بِيَدِهِ رَجَاءَ بَرَكَتِهَا». (رواه البخارى)

Maksud Hadis: Dari Aishah r.a. beliau berkata sesungguhnya Rasulullah s.a.w. apabila sakit, baginda membaca surah-surah Muawwizat pada dirinya dan meniup. Maka apabila sakitnya itu bertambah, maka saya yang membacakannya dan saya usapkan pada tangan baginda dengan mengharapakan barakah dari muawwidzat itu.

Hadis ini merupakan *sahih*. Sahih Bukhari dalam bab Kelebihan al-Quran (no. hadis: 5016) diriwayatkan dari Abdullah Bin Yusuf, Malik, Ibnu Syihab, ‘Urwah. Perawi utama hadis ini daripada Saidatina ‘Aisyah r.ah. Diriwayatkan juga Imam Muslim (no. hadis: 2192), Sunan Abi Daud (no. hadis: 3902) dan Imam Malik dalam Mu’tho’ (no. hadis:1981)

وروى أحمد (٣): "يس قلب القرآن، لا يقرؤها رجل يريد الله والدار الآخرة لا غفر له؛ فاقروها على موتاكم". ٢٧٥٤ - عن أم سلمة قالت: قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : "إذا حضرتم المريض -أو الميت- فقولوا

Maksud Hadis "Yaasiin adalah hati al-Quran. Tidaklah dibaca oleh seorang yang menginginkan Allah dan hari akhirat kecuali diberi keampunan. Maka bacalah kamu ke atas mayat-mayat kamu sekalian."

Hadis Sahih riwayat Imam Ahmad, Ibnu Majah dan At-Tirmizi (no. hadis: 2379) di dalam bab musibah, ganjaran dan kesabaran. al-Nasa'i dan Ibn Hibban menshahihkannya, dan al-Hakim menilainya sebagai sahih, al-Daraqutni dan Ibn al-Qattani menilainya sebagai lemah,

Latar Belakang Kajian

Permasalahan tabarruk seringkali menjadi kontroversi kerana terdapat pandangan yang menerima dan menolak pengamalan ini. Pengamalan ini menjadi perbincangan ilmuwan semenjak dari dahulu hingga kini. Dalam perkara ini, di sana terdapat pandangan yang menerima pengamalan tabarruk dan ada yang menolak. Pandangan aliran Asyairah dilihat lebih terbuka dalam membahaskan pengamalan tabarruk, manakala pandangan yang lain, melihat amalan ini sebagai amalan yang membawa kesyirikan. Pandangan Ibn Taimiyyah dilihat sebagai menolak amalan tabarruk dan tawassul, begitu juga dengan mereka yang sehaluan dengan fahaman beliau (Arief Salleh Rosmani, Zulkiflee Haron, Juhazreen Junaidi, Farahwahida Mohd Yusuf, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, 2018). Fatwa dan pemikiran Ibn Taimiyyah dilihat telah berkembang dalam masyarakat yang dikenali aliran Wahabi. Aliran pemikiran ini pada asalnya berkembang di Saudi dan kini telah tersebar di serata dunia. Berkaitan pengamalan tabarruk, aliran ini berpandangan amalan ini bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh membawa kepada amalan syirik. Menurut aliran ini menziarahi maqam Rasulullah di samping mencium dan menyentuh maqam baginda merupakan amalan bid'ah, apatah lagi mengharap berkat daripada amalan tersebut, amalan ini boleh membawa kepada amalan penyembahan kubur dan ianya merupakan amalan syirik (Zargar, 2014).

Antara lain terdapat larangan bertabarruk di gua Hira, bukit Sur atau Rumah al-Arqam bin al-Arqam kerana amalan mengagungkan tempat-tempat tertentu menyerupai tradisi orang kafir, ianya merupakan amalan syirik (Said Ali al-Qahtani, n.d.). Melihat kepada larangan pada pengamalan tabarruk, sewajarnya perbincangan berkaitan pengamalan ini dibincangkan secara ilmiah dan terbuka. Justeru pengamalan tabarruk dari segi aspek solat pada tempat tertentu yang pernah dilaksanakan oleh baginda nabi s.a.w adalah dianjurkan di dalam Islam, menurut Imam Malik melaksanakan ibadah solat di tempat yang pernah dijalankan oleh baginda nabi s.a.w merupakan amalan sunnah (Zaelani, 2022).

Merujuk kepada amalan sahabat dalam bertabarruk, di sana terdapat pengamalan tabarruk yang dilakukan oleh para sahabat dengan menggunakan barang milik Rasulullah, seperti pakaian, rambut dan peluh dan sebagainya (Chodijah & Naimah, 2022). Penerimaan amalan tabarruk didasarkan kepada anjuran sunnah Rasulullah s.a.w berkaitan amalan tahnik bayi. Begitu juga amalan tabarruk dalam kisah al-Quran dalam Surah Yusuf berkaitan kisah Nabi Yaakub dan Nabi Yusuf. Baju nabi Yusuf dapat memberikan kesembuhan mata ayahnya. Keberkatan baju Nabi Yusuf berjaya mengembalikan penglihatan ayahnya Nabi Yaakub yang lama mengalami hilang penglihatan disebabkan kesedihan di atas kehilangan Nabi Yusuf pada tempoh yang lama (Al-Zahrani, 2022b). Berdasarkan perbincangan di atas, perbincangan

tabarruk berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu diketengahkan supaya ianya dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat berkaitan pengamalan ini sama ada ianya bertentangan dengan Islam atau sebaliknya.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menjelaskan konsep perbahasan tabarruk berdasarkan persepektif Islam, mengenal pasti pandangan yang menerima dan menolak pengamalan tabarruk dan mengkaji kefahaman tabarruk menurut pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Metod kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan merujuk kajian perpustakaan melalui aplikasi sumber perpustakaan seperti artikel jurnal, buku dan sebagainya. Kajian ini lebih menjurus kepada kaedah analisis kandungan.

Dapatan Kajian

Ahli Sunnah merupakan aliran terkemuka dan menjadi pegangan umat Islam di Malaysia. Jakim telah menjelaskan akidah rasmi pengangan umat Islam di Malaysia adalah berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan prinsip al-Quran Sunnah dari segi akidah, syariah serta akhlak (Ahmad et al., 2019). Cabaran keadaan semasa menjadi lebih mencabar dengan kehadiran beberapa aliran pemikiran salah telah mencabar kesucian akidah yang sekian lama terpelihara sekaligus menjadi ancaman perpaduan dan solidariti umat Islam. Sewajarnya perbezaan aliran pemikiran dan mazhab tidak dicetuskan sehingga mempengaruhi masyarakat ke arah perpecahan. Setiap aliran kumpulan perlu berlapang dada dengan perbezaan pendekatan metodologi atau wasilah. Justeru setiap aliran mempunyai pandangan masing-masing bukan bertujuan untuk saling berbalah dengan melabelkan pihak lawan (Jalaluddin et al., 2019). Dalam konteks negara Malaysia aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah berpegang pada disiplin akidah aliran Asha'irah. Mereka terhimpun dalam satu kesatuan ummah yang terdiri daripada ahli akidah, fekah, qiraat, tasawuf, ahli *lughah*, ahli hadis dan tafsir (Mohd Fauzi Hamat, Muhammad Rashidi Wahab, Che Zarrina Sa'ari, Khadijah Mohd Khambali, Azmil Zainal Abidin, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Luqman Abdullah, Wan Adli Wan Ramli, Mohd Khairul Naim Che Nordin, Faizuri Abd Latif, 2019). Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipraktikkan di Malaysia adalah mengikut manhaj Mazhab Fiqh al-Syafii, Akidah Abu Hasan Asha'ari, Abu Mansur Maturidi dan tasawwuf mengikut prinsip al-Junaid dan al-Ghazali (Abdullah et al., 2022). Dalam perbincangan pengamalan tabarruk Ahli Sunnah mempunyai hujah yang tertentu dalam perbahasan ini. Pandangan yang menolak amalan tabarruk melihat amalan bertabarruk dan menziarahi kubur dengan mengharapakan keberkatan dari si mati adalah syirik dan amalan ini seumpama mempunyai persamaan dengan golongan yang menyembah berhala (Al-Zahrani, 2022a).

Bertabarruk dengan keberkatan al-Quran dan zikrullah merupakan pendekatan rawatan perubatan Islam yang diketengahkan oleh para Ulama. Rukyah ialah doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan

kesejahteraan atau kebaikan (Wan Hilmi Wan Abdullah dan Hidayah Zaki, 2020). Ruqyah merupakan proses rawatan penyembuhan yang mengandungi tawassul kepada Allah SWT dengan kesempurnaan pemeliharaan dan rahmat kesembuhan daripada Allah (Haron, 2016).

Dalam pada itu perbincangan tabarruk telah diperluaskan dalam perbincangan konsep bertabarruk dengan waktu, tempat yang berkat sehingga tabarruk dengan dengan nabi s.a.w. ketika hayat baginda dan selepas kewafatan s.a.w dan di sana juga disusun perbincangan tabarruk dengan orang-orang soleh. Menurut ulama empat mazhab, tabarruk dengan orang soleh dan barang peninggalan mereka adalah dibenarkan (Zaelani, 2022). Tabarruk dalam mencari keberkatan majlis ilmu merupakan konsep barakah yang sering menjadi amalan masyarakat sebagai mengambil berkat ilmu orang alim (Nashiruddin et al., 2021). Keberkatan ilmu ulama merupakan keberkatan yang berpanjangan apabila ilmu hasil dari karangan dan tulisan Ulama dimanfaatkan oleh orang yang masih hidup.

Perbincangan berkaitan tabarruk telah dibahaskan dalam kitab Tafsir, berikutan tabarruk mempunyai kaitan pengertian "*barakah*" terjemahan berkat yang membawa pengertian bertambah nilai kebaikan, kebahagiaan dan manfaat serta keseluruhan keberkatan dari Allah. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh berkaitan berkat, sama ada keberkatan sesuatu tempat, individu dan selainnya. Terdapat 14 ayat Quran yang berkaitan berkat (Sri Mulyati, 2017). Huraian Tabarruk dan keberkatan menurut perbincangan syariah seperti tabarruk dengan dengan bismillah, tabarruk dengan al-Quran, tabarruk dengan meminum air zam zam, tabarruk dengan waktu-waktu dan tempat yang berkat seperti malam al-Qadar, bulan Ramadan, Masjid al-Haram, Masjid Nabawi dan al-Aqsa, tabarruk dengan Nabi serta dijelaskan pada bab ini bagaimana para sahabat bertabarruk dengan diri Nabi s.a.w ketika Baginda masih hidup dan seterusnya dijelaskan tabarruk setelah kewafatan Nabi s.a.w melalui kesan dan jejak peninggalan Nabi s.a.w (Jasim, 2006). Keberkatan Ulama yang perlu diberikan penghormatan kerana ketinggian ilmu dan ketaqwaannya. Justeru sifat Ulama itu digambarkan di dalam al-Quran dengan sifat taqwa dan takut kepada Allah dalam Surah Fathir berkenaan sifat Ulama yang takutkan Allah. Bersalaman dan mencium tangan, menghadiri majlis ilmu mereka boleh mendatangkan keberkatan dari Allah (Tamulis, M Ghalib M, 2021).

Bentuk-bentuk tabarruk pada tempat-tempat yang berkat, masa, tabarruk kepada Nabi-nabi dan tabarruk kepada orang soleh seperti wali-wali Allah, tabarruk melalui ziarah maqam orang soleh seterusnya tabarruk melalui mengambil air untuk didoakan orang soleh berdasarkan pandangan Ibn Hajar al-Asqalani Nasrullah Nashiruddin, Tasmin Tangngareng & Mukhlis Mukhtar (2021). Pengertian dan hakikat tabarruk di samping menjawab kefahaman aliran Wahabi dan beberapa ulama antaranya al-Albani, Ibn Taimiyyah berkaitan masalah ziarah kubur diutarakan dalam perbincangan Ulama. Perbincangan berkaitan keharusan memohon pertolongan dengan Allah, Rasul, orang-orang soleh dan Malaikat. Tawassul dan tabarruk dengan para nabi dan orang soleh al-Tabarruk menjadi perbincangan yang penting dalam penghujahan tabarruk (Muhammad Soleh al-Dhawiy, n.d.). Perbincangan dalam menjawab isu-isu berkaitan tabarruk sering dibangkitkan dalam kalangan komuniti masyarakat. Pendekatan dalam perbincangan isu tabarruk yang diketengahkan dalam perbincangan aliran Sunni banyak dibincangkan dan memberi pencerahan yang holistik. Keharusan pengamalan tabarruk turut disepakati oleh Ulama mazhab empat. (Al-Yafi'i, 2010).

Pada asasnya keharusan tabarruk beserta dalil dan pengamalan tabarruk yang dipraktikkan oleh para sahabat, tabiin, dan para ulama. Pandangan ulama muktabar dari kalangan Ulama mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali sepakat dalam perkara ini. Ulama

ahli Sunnah seperti Ibn Hajar al-Asqalani, Imam al-Ghazali, Imam al-Syafie, Imam Nawawi, Imam Ahmad dan Imam Taqiyuddin al-Subki membenarkan pengamalan tabarruk. Contoh tabarruk anjuran Ulama antaranya Imam al-Nawawi membolehkan tabarruk dengan lebih makanan orang yang soleh atau menjemput orang soleh untuk memenuhi undangan jamuan makan. Imam al-Ghazali menganjurkan ziarah kubur orang soleh. (Mohd Khafidz Soroni, Kiyai Nur Hidayat Muhammad, 2020). Ulama yang menjelaskan para nabi hidup di alam kubur menunaikan solat dan haji sepertimana yang diberitakan oleh Nabi s.a.w ketika malam Israk Mikraj bertemu para Nabi. Jasad para Nabi tidak dimamah tanah, begitu juga Nabi Muhammad s.a.w., para Ulama dan Muazzin. Pendapat ini merupakan pendapat Ijmak Ulama. Para syuhada hidup dan dikurniakan rezeki di alam barzakh, pendapat ini merupakan pendapat jumur Ulama, justeru para syuhada yang mati dalam berjihad, darah-darah mereka mengalir dilukanya walaupun kubur mereka digali setelah empat puluh enam tahun. Hal ini terjadi kepada syuhada Uhud seperti Jabir bin Abdullah, Amru bin al- Jamukh dan Hamzah (Al-Mazidi, 2008). Firman Allah

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا ۚ بَلْ أَحْيَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

Yang bermaksud: “Janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati; bahkan mereka itu hidup disisi Tuhannya dengan mendapat rezeki.”(Surah aLi Imran ayat: 169)

Kesimpulan dan Perbincangan

Isu tabarruk merupakan masalah khilafiah yang tidak sepatutnya mencetuskan pertelingkahan yang tidak berkesudahan dalam masyarakat seperti kafir-mengkafirkan atau bid'ah-menbid'ahkan sesama sendiri. Solidariti umat Islam merupakan kesatuan ummah yang perlu dipelihara dengan ikatan yang kuat bagi menjami kesejahteraan umat Islam dari sebarang bentuk permusuhan dan perpecahan. Imam al-Sayuthi melarang pengingkaran kepada sesuatu isu yang tidak disepakati, menurut beliau pengingkaran pada sesuatu dibolehkan pada hal yang melanggar hukum yang telah disepakati Ulama. Kaedah ini memberi kefahaman bahawa konsep tabarruk sama seperti konsep tawassul yang merupakan masalah khilaf (Mohd Khafidz Soroni, Kiyai Nur Hidayat Muhammad, 2020). Pengamalan tabarruk atau tawassul menjadi masalah bila mana terdapat masyarakat yang menganggap isu ini merupakan isu akidah atau isu usuluddin sehingga dinyatakan sebagai amalan seperti ini sekiranya tidak dibendung akan menyebabkan masyarakat terjatuh dalam amalan syirik. Perlu difahami, pengamalan tabarruk dibenarkan sekiranya seseorang yang bertabarruk tidak meyakini bahawa tempat itulah, air jampi itulah, yang memberikan berkat, tetapi hanya Allah S.W.T jualah yang memberikan atau mengalirkan keberkatan (As, 2018). Secara kesimpulan hanya Allah Taala sahaja yang dapat memberikan manfaat dan kebaikan, keberkatan serta kemanfaatan yang berterusan.

Rujukan

- Abdullah, M. A., Subri, I. M., Lukman, M., Amiri, M., & Ghani, A. (2022). Malaysia sebagai Negara yang Bermazhab : Satu Diskusi Awal Malaysia as a Madhhab Country : A Preliminary Discussion. *RABBANICA*, 3(1). <https://doi.org/e-ISSN: 2756-7893/ISSN: 2773-5583>
- Ahmad, S., Khadijah, S., Abu, S., Halim, H. A., & Farhana, I. (2019). *Analisa Tema Pengukuran Tahap Penguasaan Umat Islam di Malaysia Terhadap Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah An Analysis of Themes of Measurement of Muslim Jurisdiction in Malaysia on the Belief of Ahli Sunnah Wal Jamaah*. 1(1), 116–126.
- Al-Mazidi, A. F. (2008). *al-Hujaj al-Bayyinat Fi Ithbat al-Karamat fi al-Hayat wa ba'd al-Mamat* (Cetakan Pe). Dar al-Kutub al-Ilmiyah Beirut.
- Al-Sayuthi, J. (2021). *Terjemahan Tafsir Jalalain*. Ummu Qura.
- Al-Syeikh, S. A. A. (2003). *al-Tamhid li Syarah Kitab al-Tauhid* (Cetakan Pe). Mekah , Dar al-Tauhid.
- Al-Yafi'i, A. F. bin S. Q. (2010). *al-Tabarruk bi al-Solihin baina al-Mujizin wa al-Mani'in Dirasah Muqaranah*,. Muassasah al-Risalah Nasyirun,Damsyiq Syria.
- Al-Zahrani, S. D. (2022a). Hakikah al-Tabarruk wa Hukumuh. *Majalah Jamiah Al-Madinah Al-Alamiyah*, 41.
- Al-Zahrani, S. D. (2022b). Seeking Blessings From The Righteous and Paying Attention to the Monuments of the Past Generations A Theological Study. *International Islamic Science Journal*, 6(2).
- Arief Sallah Rosmani, Zulkiflee Haron, Juhazreen Junaidi, Farahwahida Mohd Yusuf, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Z. M. (2018). Tawassul dan Istighathah Dengan Nabi Muhammad Dalam Amalan Mawlid Berjanji. *International Journal of Islamic Studies Al-Qanatir*, Vol.12.No. <https://doi.org/eISSN:2289-9944>
- As, A. (2018). *MEMBACA FENOMENA ZIARAH WALI DI INDONESIA : MEMAHAMI TRADISI TABARRUK DAN*. 17(2), 173–200. <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v>
- Chodijah, L. N., & Naimah, F. U. (2022). Tabarruk dalam Pandangan Ulama ' Sunni dan Syi ' ah dan Implementasinya dalam membangun karakter umat Islam : Studi Komparasi Pemikiran Zaynu Al-Abidin Ba ' alawi dan Ja ' far Subha ni. *Al-Mada Jurnal Agama Sosial Dan Budaya*, 5 No 1, 20(1), 105–124.
- Haron, Z. (2016). *Konsep Al-Shifa' Dalam Al-Quran*. Phd Thesis Universiti Malaya.
- Haroon, A. (2014). *History of Saudi Arabia and Wahabism*. Xlibris LLC.
- Jalalluddin, K., Razak, K. A., Pendidikan, F., & Aqsha, M. (2019). Pendidikan Akidah Asas Pembinaan Tamadun Islam Di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Musantara Ke-3 2019, 2016*, 119–128.
- Jasim, Z. F. (2006). *al-Tabarruk wa al-Barakah Fi al-Syariah al-Islamiyah*,. Dar al-Kutub al-Ilmiyah Lubnan.

- Kamarzaman, M. H. (2022). Tarikat Naqsyabandiyyah al-Khalidiyyah dan Manhaj Pengamalannya di Malaysia: Satu Analisis. *Prosiding ,3th International Seminar on Islamic Thought: Centre for Akidah and Global Peace. Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Manzur, I. (1979). *Lisan al-Arab*. Dar al-Fikr.
- Mohd Fauzi Hamat, Muhammad Rashidi Wahab, Che Zarrina Sa'ari, Khadijah Mohd Khambali, Azmil Zainal Abidin, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Luqman Abdullah, Wan Adli Wan Ramli, Mohd Khairul Naim Che Nordin, Faizuri Abd Latif, M. K. S. (2019). Bidang Terhadap Penolakan Asha'irah Sebagai Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. *Jurnal Al-Ummah 1*, 1–36.
- Mohd Khafidz Soroni, Kiyai Nur Hidayat Muhammad, Z. A. A. H. (2020). *Tabarruk Dari Perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah* (Cetakan Pe). Arg Training & Consultancy.
- Muhammad, A. (1994). *Lubab al-Tafsir min Ibn Kathir*. Muassah Dar al-Hilal.
- Muhammad Soleh al-Dhawiy, M. (n.d.). *Asasiyah fi Ziyarah al-Qubur wa al-Tawassul wa al-Istighasah wa al-Syafa'ah wa al-Tabarruk*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah Beirut.
- Nashiruddin, N., Islam, U., Alauddin, N., Tangngareng, T., Islam, U., Alauddin, N., Mukhtar, M., Islam, U., & Alauddin, N. (2021). *Konsep tabarruk dalam perspektif hadits*. 4(2), 390–403.
- Said Ali al-Qahtani. (n.d.). *Nur al-Sunnah wa Dhulumat al-Bid'ah Fi Dhaw al-Kitab wa al-Sunnah*. Muassasah al-Jarisiy li al-Tawzi' wa I'lan.
- Sri Mulyati. (2017). The Blessing in Quran Back to Basic Virtue in Life. *International Conference on Quran and Hadith Studies, Advance in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR), Volume 137*.
- Tamulis, M Ghalib M, A. A. B. (2021). Jabat Tangan Dengan Cium Tangan Kyai Untuk Keberkatan dalam Perspektif Quran,. *Jurnal Ulumuddin: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman, Volume 11*(P-ISSN 1907-2333 E-ISSN 2685-9211).
- Wan Hilmi Wan Abdullah dan Hidayah Zaki. (2020). Depression Symptoms : Methods of Treatment Through Al-Tibb Al-Nabawi Medicine. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 215–234.
- Zaelani, M. R. (2022). Konsep Berkah Dalam Pandangan Ahlusunnah: Analisis Syarah Hadis tentang Tabarruk. *Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin*, 2(2), 235–249. <https://doi.org/10.15575/jpiu.v2i2.13500>
- Zargar, C. (2014). The Hanbali and Wahhabi Schools of Thought As Observed Through the Case of Ziy ā rah. In *MA Thesis*. The Ohio State University.